



Pengarah Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) dan Pejabat Bank Negara Malaysia (BNM), Datin Arlina Ariff. - NSTP/Hanneeyzah Barish Baharin

## Karnival Kewangan Pantai Timur April ini

Oleh Hanneeyzah Barish Baharin  
hanneeyzah@bh.com.my

[f Share](#) [Tweet](#) [8+ Share](#)

KUALA TERENGGANU: Dengan matlamat meningkatkan kesedaran awam mengenai menjayah kewangan dan pengurusan kewangan, Bank Negara Malaysia (BNM) akan menganjurkan Karnival Kewangan buat kali pertama di Pantai Timur dengan Terengganu sebagai tuan rumah.

Pengarah Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) dan Pejabat Bank Negara Malaysia (BNM), Datin Arlina Ariff, berkata karnival tiga hari bermula 4 hingga 6 April depan di TH Hotel and Convention Centre, Kuala Nerus, mensasarkan 15,000 pengunjung yang mahu mendapatkan pelbagai khidmat nasihat kewangan.

Beliau berkata, banyak pengisian menarik menanti pengunjung antaranya Forum Pengurusan Hutang Efektif; Forum Jenayah Kewangan - Skim Cepat Kaya; Kewangan Islam; Bicara Tokoh Usahawan dan Kenali Wang Anda yang boleh memanfaatkan orang ramai.

Selain itu katanya, ia diharap dapat memperkuuh keupayaan pengurusan kewangan dalam komuniti di Pantai Timur menerusi pusat sehenti untuk belajar sambil berhibur serta memperkenalkan produk dan perkhidmatan kewangan.

Bertemakan 'Utamakan Keperluan Kewangan Anda', beliau berkata, karnival berkenaan akan membawa lebih 45 institusi kewangan dan agensi kerajaan dalam mempamerkan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan.

"Ini termasuk produk perbankan Islam, pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), perlindungan insurans dan takaful dan e-pembayaran.

"Masyarakat akan mendapat pencerahan mendalam mengenai perihal berkaitan kewangan seperti perancangan kewangan, penipuan kewangan dan saluran bantuan penyelesaian kewangan," katanya pada sidang media di Pejabat BNM di sini, semalam.

Arlina berkata, karnival itu kolaborasi bersama pejabat BNM, Persatuan Bank-Bank di Malaysia (ABM), Persatuan Takaful Malaysia (MTA) dan Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM).

Katanya, karnival mesra keluarga ini juga menawarkan pelbagai aktiviti termasuk forum perdana mengenai kewangan dan hal ehwal Islam, 'pocket talks', aktiviti kanak-kanak dan pelbagai aktiviti lain yang menawarkan hadiah sehingga RM150,000.

"Aktiviti menarik yang dijangka akan menjadi tumpuan ialah sesi perkongsian istimewa oleh pengembara selebriti dan hos, Mat Dan dan artis rap, Caprice serta konsert mini oleh Shafiq Farhain dan Suffian Suhaimi.

"Selain itu, kita juga akan adakan siri jelajah untuk mempromosikan karnival ini yang bertajuk 'Sembang Santai Bersama Rakan-rakan Karnival Kewangan' di 11 lokasi di Pahang, Terengganu dan Kelantan.

"Jelajah ini akan diadakan dari 18 hingga 31 Mac. Sepanjang jelajah ini, kita akan menyampaikan maklumat berkaitan pengurusan kewangan, produk dan perkhidmatan kewangan kepada komuniti di negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan," katanya.